

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERAK**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak. LKAN ini melaporkan tiga tajuk pengauditan iaitu dua tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan/agensi dan satu tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri seperti berikut:

1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri

a. Pengurusan Projek Pembangunan Semula Perkampungan Nelayan Pulau Pangkor dan Lumut

Pengauditan pengurusan projek pembangunan semula perkampungan nelayan Pulau Pangkor dan Lumut ini melibatkan lima jabatan negeri dan satu agensi negeri. Lokasi projek pula meliputi Sg. Pinang Besar, Teluk Gedung, Teluk Kecil dan Kg. Masjid di Pulau Pangkor serta Teluk Muroh di Lumut. Kos keseluruhan projek ini berjumlah RM173.69 juta. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan projek seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Prestasi fizikal projek tidak tercapai sepenuhnya:
 - 70% siap dalam tempoh EOT.
 - 20% dalam pelaksanaan.
 - 10% belum mula.
- Prestasi komponen projek tidak tercapai sepenuhnya:
 - 53.1% belum siap/belum mula/tidak laksana.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Matlamat setinggan sifar Rancangan Struktur Negeri Perak 2020 tidak tercapai.
- Objektif menjana ekonomi belum tercapai bagi 15 komponen projek.
- Sasaran menempatkan semula 147 keluarga ke kawasan baharu belum tercapai.

- objektif meningkatkan imej perkampungan nelayan belum tercapai sepenuhnya.

iii. Pengurusan Projek

- RM9,801 bayaran dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan.

b. Pengurusan Projek Ladang Sosial

Pengauditan ini melibatkan pengurusan projek ladang kelapa sawit/getah/durian seluas 9,860.66 hektar secara komersial di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP). Projek Ladang Sosial terdiri daripada enam Ladang Rakyat (LR) dan 14 Ladang Untuk Rakyat (LUR). Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan projek seperti berikut:

i. Pencapaian Output dan Keberhasilan Projek LR

- 14,675 peserta menerima agihan dalam tempoh tahun 2018 hingga 2021 melebihi sasaran ditetapkan.
- Sejumlah RM3.74 juta keuntungan ladang telah diagihkan kepada peserta dalam tempoh tahun 2019 hingga 2021.

ii. Pencapaian Output dan Keberhasilan Projek LUR

- 1,971 (98.6%) peserta telah diagihkan lot tanah berbanding sasaran peserta ditetapkan.
- Tiada sasaran peserta bagi 11 ladang lain. Sehingga tahun 2022 sebanyak 563 peserta dan 30 Koperasi/Yayasan menyertai ladang tersebut.
- Sejumlah RM24.52 juta (75.1%) berbanding RM32.63 juta keuntungan ladang diagihkan kepada peserta/Koperasi bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.
- Agihan keuntungan tetap kepada Koperasi sejumlah RM3.83 juta berbanding hasil sewa pajakan berjumlah RM3.93 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

iii. Pencapaian Aktiviti

- Berlaku kerugian berjumlah RM16.72 juta iaitu RM9.53 juta bagi bayaran Kos Pembangunan Asas yang tidak dikutip termasuk RM7.19 juta bagi anggaran caj kelewatan terhadap bayaran tersebut.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak

a. Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. (Perak Industrial) [Syarikat Berhad Menurut Syer]

Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah Perak Industrial belum mencapai objektif penubuhan syarikat terutamanya dalam meningkatkan kedudukan kewangan syarikat dan pulangan dividen kepada syarikat induk; tadbir urus korporat kurang memuaskan iaitu enam daripada lapan aspek tidak diamalkan; dan kedudukan kewangan kurang stabil. Pencapaian output dan keberhasilan syarikat adalah seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- strategi memperkemas operasi syarikat telah mencapai 71.1% dan 78.2% daripada sasaran yang ditetapkan;
- prestasi strategi mengukuhkan perniagaan sedia ada adalah antara 72.5% hingga 145.1% bagi tempoh 2020 hingga 2022; dan
- strategi meneroka bidang perniagaan baharu yang berdaya saing adalah memuaskan iaitu satu projek telah disiapkan dan satu projek akan disiapkan pada tahun 2024.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- prestasi kewangan syarikat kurang stabil dan berisiko usaha berterusan dengan kerugian terkumpul RM19.39 juta pada tahun 2022; dan
- tiada pulangan dividen dibayar kepada syarikat induk sejak syarikat ditubuhkan.

2. Secara keseluruhannya, 11 syor diberikan oleh Ketua Audit Negara iaitu tujuh kepada jabatan/agensi dan empat kepada syarikat.

